



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 15 JUN 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFI AKTIFKAN SURVELAN UNTUK PEMERIKSAAN TERNAKAN LADANG -RONALD, UTUSAN BORNEO -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	JKN KEDAH SAHKAN ARAH PEKERJA KILANG PROSES AYAM DIBAWA KE PKD, HM - ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
3.	LELAKI DITUDUH SERET KUCING ATAS JALAN, NASIONAL, BH -17	
4.	TAK MENGAKU HERAT KUCING, LOKAL, HM -3	
5.	LELAKI DIDAKWA ANIAYA KUCING, MAHKAMAH & JENAYAH, SH -22	
6.	JOBLESS MAN CLAIMS TRIAL TO TORTURING CAT, EVENT/NEWS, NST -11	
7.	FAMA SABAH AGIH BAHAN MAKANAN DI KAWASAN PKPD, BH -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
8.	FAMA AGIH EMPAT TAN BAHAN MAKANAN, LOKAL, HM -8	
9.	PST PENYELAMAT USAHAWAN TANI, NEGERI PERAK/P.PINANG, SH -27	
10.	CURRENT STOCK OF FISH SUPPLY IN MALAYSIA SUFFICIENT, NEWS, TAMIL MALAR -5	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
11.	KILANG BEROPERASI SEMASA PKP 3.0 PERLU PATUHI SOP, HARAKAH DAILY - ONLINE	LAIN-LAIN
12.	PASARAN SAYUR TERLALU PERLAHAN, DALAM NEGERI, UM -25	
13.	SAYUR PULA NAIK HARGA, MUKA DEPAN, SH -1	
14.	HARGA SAYUR-SAYURAN NAIK HINGGA 40 PERATUS, NASIONAL, SH -2	
15.	PROSES HANTAR SAYUR TERGENDALA, NASIONAL, SH -2	
16.	BEKALN SAYUR BAKAL TERJEJAS, NASIONAL, SH -3	
17.	NGO BELI HASIL PEKEBUN KECIL TERJEJAS UNTUK DIAGIHKAN, NASIONAL, SH -3	
18.	PENIAGA BUAH BOLEH TERUS BERNIAGA, MOHON PERMIT, UM -ONLINE	
19.	MBSP BENARKAN AKTIVITI JUALAN BUAH-BUAHAN, NEGERI PERAK/P.PINANG, SH -20	
20.	TEMPAHAN LEMBU MEROSOT, DALAM NEGERI, UM -27	
21.	TANGAKAPAN HASIL LAUT TURUN 50 PERATUS, DALAM NEGERI, UM -27	
22.	FARMERS UNABLE TO GET FLOWERS TO THE MARKET, NATION, THE STAR -8	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/6/2021	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

MAFI aktifkan surveilan untuk pemeriksaan ternakan ladang – Ronald



SHAH ALAM: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) mengambil tindakan segera mengaktifkan surveilan menerusi DVS Negeri serta Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan (MAQIS) untuk menjalankan pemeriksaan ke atas ternakan di ladang-ladang dan premis kuarantin.

Menterinya Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (**gambar**) berkata langkah itu bagi mengesan sekiranya terdapat ternakan yang menunjukkan tanda-tanda klinikal Lumpy Skin Disease atau penyakit kulit kental/berbonjol (LSD).

“Bagi mencegah risiko kemasukan virus LSD menerusi pengimportan ternakan hidup, MAFI melalui DVS juga telah menggantung pengimportan ternakan lembu/kerbau bagi tujuan pembiakan dan penyembelihan dari negara terjangkit seperti Thailand berkuat kuasa pada 7 Jun 2021,” katanya dalam kenyataan semalam selepas mengadakan lawatan kerja ke Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Bernam Jaya, Sabak Bernam Selangor.

Ronald berkata DVS akan terus mengaktifkan program surveilan di lapangan menerusi pemeriksaan fizikal di semua ladang/kandang ternakan di seluruh negara bagi mengesan ternakan terjangkit.

Beliau berkata tindakan pengawalan dan pencegahan LSD adalah melalui prosedur operasi standard (SOP) Kawalan Penyakit Berjangkit dan SOP Pengurusan Ternakan di Lapangan.

Ronald juga menyarankan penternak agar mempertingkatkan amalan perladangan yang baik dari aspek biosekuriti, kebersihan ladang, kawalan makhluk perosak, sumber air bersih dan sumber makanan daripada pengilang yang mempunyai pensijilan Amalan Pengilangan Baik (GMP).

Kawalan, pencegahan, dan pembasmian yang cekap dan bertanggungjawab oleh semua pihak berkepentingan adalah sangat penting bagi memastikan penularan LSD di Malaysia dapat dibendung bagi memastikan pengeluaran ruminan tidak terjejas dan menjamin kelestarian industri ruminan negara. katanya. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/6/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

JKN Kedah sahkan arah pekerja kilang proses ayam dibawa ke PKD



Alor Setar: Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Kedah mengesahkan meminta majikan sebuah kilang pemprosesan ayam di Bedong, Sungai Petani untuk membawa pekerja yang positif Covid-19 ke Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Kuala Muda, semalam.

Pengarah Kesihatan Negeri Kedah Dr Mohd Fikri Ujang berkata, mereka dibawa ke PKD itu berikutan segala peralatan, ruang dan petugas kesihatan berada di situ untuk membuat penilaian ke atas pekerja terbabit.

"Semalam, sebanyak 225 kes positif dicatatkan di daerah Kuala Muda dan daripada jumlah itu, 150 kes positif adalah daripada kluster yang melibatkan kilang ayam itu.

"Jadi, semua kes positif perlu disaring dan dinilai untuk menentukan rawatan seterusnya.

"Kita akan tentukan sama ada mereka perlu dirawat di hospital atau dibawa ke Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC), atau dikuarantin di asrama yang disediakan oleh majikan untuk pekerja mereka yang positif," katanya kepada Bernama di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas berkenaan video yang tular dalam media sosial semalam, memaparkan sekumpulan pekerja asing yang dikatakan positif COVID-19 dan memakai gelang merah jambu dibawa menaiki sebuah lori secara terbuka di sekitar bandar Sungai Petani.

Video berdurasi 19 saat itu menyebabkan pengguna media sosial mempersoalkan tindakan pihak PKD yang tidak membuat penilaian terhadap semua pekerja asing itu, di kilang ayam terbabit.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Makanan, Keusahawanan Pertanian dan Komoditi, Pengangkutan dan Hal Ehwal Masyarakat negeri Azman Nasrudin berkata, kilang itu mendapat kebenaran beroperasi daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

"Kilang itu dibenarkan beroperasi kerana ia keperluan bagi rantaian makanan. Bagaimanapun, pemilik kilang itu melakukan kesalahan kerana tidak mengasingkan pekerja yang bergejala dan tidak merujuk kepada Kementerian Kesihatan untuk tindakan susulan," katanya dalam kenyataan hari ini.

Bagaimanapun, beliau memberi jaminan pengeluaran produk ayam tidak akan terjejas sekiranya kilang itu ditutup kerana masih terdapat banyak syarikat memproses ayam yang beroperasi di negeri itu dengan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

15/6/2021

BERITA
HARIAN

NASIONAL

17

Lelaki dituduh seret kucing atas jalan

Tertuduh mengaku tak bersalah, dibenar ikat jamin RM3,500

Oleh Noor Hidayah Tanalzi
bhnews@bh.com.my

Teluk Intan: Seorang lelaki dihidapkan ke Mahkamah Majistret di sini semalam, atas pertuduhan menyeret seekor kucing di atas jalan pada 3 Jun lalu.

Azizul Salahuddin, 46, didakwa di hadapan Majistret Adilah Mokhtar, secara tidak munasabah, menyebabkan penderitaan tidak perlu kepada haiwan dengan menyeret seekor kucing di atas jalan di Jalan Attadiuri, Langkap, kira-kira jam 6.30 petang.

Dia dituduh mengikut Seksyen 29(C)(a) Akta Kebajikan Haiwan



Azizul di Mahkamah Majistret Teluk Intan semalam atas pertuduhan menyeret kucing di atas jalan di Langkap. (Foto BERNAMA)

2015 dan boleh dihukum mengikut akta sama yang memperuntukkan denda antara RM20,000 hingga RM100,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Azizul bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan dibenarkan ikat jamin RM3,500 dengan seo-

rang penjamin sebelum mahkamah menetapkan sebutan semula kes pada 14 Julai depan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nur Azimah Che Ismail, manakala tertuduh diwakili peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGG), S Kumaresan.



AZIZUL KANAN ditawa ke Mahkamah Majistret Teluk Intan, semalam.

Tak mengaku heret kucing

Teluk Intan: Seorang lelaki mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret di sini, semalam atas pertuduhan menyeret seekor kucing di atas jalan pada awal bulan ini.

Tertuduh, Azizul Salahuddin, 46, membuat pengakuan berkenaan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Adilah Mokhtar.

Lelaki terbabit didakwa secara tidak munasabah menyebabkan penderitaan yang tidak perlu kepada seekor haiwan iaitu dengan menyeret seekor kucing.

Pendakwa Raya, Nur Azimah Che Ismail manakala tertuduh diwakili peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGG), S Kurnaresani.

Mahkamah kemudiannya membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM3,500 dengan seorang penjamin dan sebutan semula kes ditetapkan pada 14 Julai depan.

Harian Metro sebelum ini melaporkan seorang lelaki disyaki melakukan penganiayaan terhadap seekor kucing dengan menyeret haiwan berkenaan sambil menunggang motosikal seperti tular di media sosial ditahan polis.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM3,500



Azzul (kanan) didakwa di Mahkamah Majistret Teluk Intan pada Isnin atas pertuduhan melakukan pengantayaan terhadap seekor kucing.

Lelaki didakwa aniaya kucing

TELUK INTAN - Seorang lelaki didakwa di Mahkamah Majistret Teluk Intan pada Isnin atas pertuduhan melakukan pengantayaan terhadap seekor kucing pada awal Jun lepas.

Tertuduh, Azzul Salahuddin, 46, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Majistret Adillah Mokhtar.

Mengikut pertuduhan, tertuduh secara tidak munasabah menyebabkan penderitaan yang tidak perlu kepada haiwan iaitu dengan menyeret seekor kucing di atas jalan.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di Jalan Attadiuri Langkap, Hilir Pe-

rak kira-kira jam 6.30 petang pada 3 Jun lalu.

Bagi kesalahan itu, dia didakwa di bawah Seksyen 29 (1) (a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan boleh dihukum di bawah akta sama.

Sabit kesalahan, dia boleh didenda tidak kurang RM20,000 dan tidak lebih RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Timbalan Pendakwa Raya, Nur Azimah Che Ismail menawarkan jaminan RM8,000, bagaimanapun tertuduh yang diwakili Peguam Bela daripada Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK), S Kumaresan

memohon agar wang jaminan berkenaan dikurangkan atas alasan tertuduh tidak mempunyai pekerjaan tetap selain masih menanggung ibu bapanya.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM3,500 dengan seorang penjamin selain menetapkan 14 Julai depan sebagai tarikh sebutan semula kes.

Tertuduh telah ditahan polis pada 4 Jun lepas bagi membantu siasatan kes itu selepas satu video memaparkan tindakannya seolah-olah mengheret kucing di atas jalan tular di media sosial.

CRUELTY AGAINST ANIMAL

Jobless man claims trial to torturing cat

TELUK INTAN: A jobless man pleaded not guilty at the magistrate's court here yesterday to torturing a cat by dragging it behind a motorcycle in Kampung Attaduri, Langkap here, on June 3.

Azizul Salahuddin, 46, entered the plea after the charge was read out to him before magistrate Adilah Mokhtar.

He was charged with unreasonably causing pain and suffering to the animal by dragging it on Jalan Attaduri, Langkap, at 6.30pm on June 3.

The charge, framed under Section 29 (1) (a) of the Animal Welfare Act 2015, carries a fine of not less than RM20,000 and not more than RM100,000, or imprisonment not exceeding three years, or both, if convicted.

The court granted Azizul bail of RM3,500 with one surety and set July 14 for mention.

The prosecution was conducted by deputy public prosecutor Nor Azimah Che Ismail, while lawyer S. Kumaresan from the National Legal Aid Foundation represented the accused.

Earlier, Hilir Perak district police chief Assistant Commission-



Azizul Salahuddin (right) at the magistrate's court in Teluk Intan yesterday. BERNAMA PIC

er Ahmad Adnan Basri said the man was arrested when he went to the Langkap police station on June 4 to deny claims that he was involved after he was informed by family members that a video of him torturing a cat was being

shared on social media. The 34-second video, showing a brown cat being dragged in a net behind a moving motorcycle, angered netizens, who demanded that action be taken against the motorcyclist. **Bernama**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/6/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

FAMA Sabah agih bahan makanan di kawasan PKPD



Pengarah FAMA Sabah, Ribin Wahid (tiga dari kiri) menerima sumbangan bahan makanan daripada wakil ladang kontrak untuk diagihkan kepada penduduk di kawasan PKPD. - Foto FAMA Sabah

KOTA KINABALU: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Sabah mengagihkan kira-kira empat tan bahan makanan kepada penduduk yang terjejas berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 di sekitar bandar raya ini.

Bahan makanan termasuk sayuran dan buah-buahan itu disalurkan menerusi program tanggungjawab sosial Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) atau MAFI Prihatin yang dilaksanakan di seluruh negara.

Pengarah FAMA Sabah, Ribin Wahid, berkata bahan makanan terbabit adalah hasil sumbangan 40 rakan strategik termasuk Persatuan Penanam dan Pemborong Sayur Pantai Barat Sabah, selain peserta ladang kontrak FAMA.

Katanya, pengagihan bahan makanan itu adalah antara usaha dilaksanakan MAFI dan FAMA bersama rakan strategiknya untuk meringankan beban penduduk terutama mereka yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

"MAFI bersama FAMA Sabah membantu mengagihkan bantuan barangan makanan yang disumbangkan sepenuhnya oleh rakan strategik kita di beberapa kawasan yang dikenakan PKPD seperti Kampung Likas dan sekitarnya.

"Pihak kementerian dan FAMA Sabah khususnya akan terus membantu dan menjadi pemudah cara bagi membantu mereka yang memerlukan bantuan khususnya yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

"Sumbangan diserahkan kepada jawatankuasa Masjid Bandaraya Kota Kinabalu dan selepas itu mereka akan menyalurkan pula ke masjid berhampiran sebelum diagihkan kepada golongan yang terjejas di kawasan mereka," katanya dalam kenyataan, di sini.

Dalam perkembangan lain, Ribin berkata FAMA Sabah mewujudkan Pusat Pengurusan Krisis (CMC) bagi menjamin rantai bekalan makanan dan sektor pertanian di Sabah tidak terjejas sepanjang pelaksanaan PKP 3.0.

Katanya, bilik gerakan itu beroperasi setiap hari bermula jam 8 pagi hingga 7 malam dan sentiasa bersedia menerima pertanyaan daripada orang ramai melalui emel cmcfamasabah@gmail.com.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/6/2021	HARIAN METRO	LOKAL	8

Fama agih empat tan bahan makanan

Kota Kinabalu: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Sabah mengagihkan empat tan bahan makanan kepada penduduk yang terjejas berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 di sekitar bandar raya ini.

Bahan makanan termasuk sayuran dan buah-buahan disalur menerusi program tanggungjawab sosial Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) atau Mafi Prihatin yang dilaksanakan di seluruh negara.

Pengarah Fama Sabah, Ribin Wahid berkata, bahan makanan itu hasil sumbangan 40 rakan strategik termasuk Persatuan Penanam dan Pemborong Sayur Pantai Barat Sabah, selain peserta ladang kontrak Fama.

Katanya, pengagihan bahan makanan antara usaha Mafi dan Fama bersama rakan strategiknya untuk meringankan beban penduduk terutama mereka yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/6/2021	SINAR HARIAN	NEGERI PERAK/ MELAKA	27

PST penyelamat usahawan tani

FAMA buka 43 PST di seluruh negara sepanjang PKP 3.0

Oleh SAIFULLAH AHMAD

KUALA KANGSAR

Pembukaan Pasar Se-gar Terka-wal (PST) Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menjadi penyelamat kepada usahawan untuk meneruskan hidup sepanjang tempoh Perintah Kawalan Laksananan ketika ini.

Bagi seorang usahawan, Shamsul Ariffin, 40, dari Kuala Kangsar berkata, apabila pasar tani tidak dibenarkan un-

tuk dibuka di dalam tempoh PKP 3.0 kebanyakan usahawan kehilangan sumber pendapatan. Menurutnya, bagaimanapun dengan pembukaan PST di Lubuk Merbau, di sini pada 5 Jun lalu melegakan petani.

"Alhamdulillah, hari pertama pembukaan PST di sini, jualan saya dapat RM300 dan paling tinggi jualan yang dapat RM700 pada Sabtu lepas.

"Inisiatif ini memang melegakan kami para usahawan. Sekarang kami dah ada pendapatan semula," katanya ketika ditemui di PST Dewan Arena RPA Mior Aris, Lubuk Merbau, di sini pada Isnin.

Menurutnya, kewujudan PST juga membantu petani memasarkan hasil mereka melalui usahawan FAMA. Sementara itu, Timbalan



Mohamad Mustahapa (kiri) melawat PST Dewan Arena RPA Mior Aris Lubuk Merbau, Kuala Kangsar pada Isnin.

Ketua Pengarah (Operasi) FAMA, Mohamad Mustahapa Awang berkata, sehingga kini terdapat sebanyak 43 PST di seluruh negara yang beroperasi dalam tempoh pelaksanaan PKP 3.0.

Katanya, pengoperasian PST tersebut terdiri daripada 24 Pasar Tani Kekal, 14 Pusat Operasi FAMA, MyFarmOutlet (3) dan Agrobazaar (2). "Tujuan kita wujudkan PST

ini untuk mengurangkan kesesakan orang ramai di pasar awam ketika pandemik selain membolehkan usahawan menjalankan perniagaan.

"Pembukaan PST ini juga dilaksanakan mengikut keperluan di lokasi yang dirasakan sesuai dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan," katanya. Dalam perkembangan berkaitan, Mohamad Mustahapa berkata, di Perak terdapat lima lokasi PST dibuka setakat ini iaitu di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Perak, Pasar Tani Kekal Lekir, Pasar Komuniti Dan Karavan Seri-Manjung, Dewan Arena RPA Mior Aris Lubuk Merbau dan Kompleks Operasi FAMA Bagan Datuk. Menurutnya, sebuah lagi PST akan dibuka di negeri ini iaitu di Arena Square Pekan Bota yang dijangka beroperasi pada Rabu ini.

Headline	Current stock of fish supply in Malaysia sufficient		
MediaTitle	Tamil Malar		
Date	15 Jun 2021	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	22,000
Page No	5	Readership	180,000
Language	Tamil	ArticleSize	157 cm ²
Journalist	NULL	AdValue	RM 807
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,421



மீன் விநியோகத்தின் தற்போதைய பங்கு வளர்ச்சி அடைந்து வருகின்றது

ஷா ஆலாம், ஜூன். 15-
நாட்டின் மீன் விநியோகத்தின் தற்போதைய பங்கு, ஒரு மாதத்திற்கு சுமார் 185,000 மெட்ரிக் டன் என்று முழுநடமாட்டக்கட்டுப்பாடு ஆணைகாலத்தில் மீன்யின் கையிருப்பு போதுமானதாக இருக்கும் என்று எதிர்பார்க்கப்படுகிறது. நாட்டின் மதிப்பிடப்பட்ட மீன் விநியோகத்தேவை சுமார் 155,000 மெட்ரிக் டன் ஆகும் என்று விவசாய மற்றும் உணவு அமைச்சகம் தெரிவித்துள்ளது.

அதன் துணை அமைச்சர் டத்தோ சே அப்துல்லா மாட்

நவி கூறுகையில், மீன்களின் கையிருப்பு போதுமானதாக இருப்பதால் வாடிக்கையாளர்கள் கவலைப்படவோ அல்லது பீதி அடைவோ வேண்டாம் என்று அவர் கூறினார்.

“எம்.சி.ஓ 3.0 அமல்படுத்தலின் போது, மலேசியாவின் மீன்வள மேம்பாட்டு ஆணையம் நாடு முழுவதும் போதுமான மீன் விநியோகத்தை உறுதி செய்வதில் முக்கிய பங்கு வகித்துள்ளது” என்று அவர் நேற்று ஓர் அறிக்கையில் கூறினார். மீன்வள்களின் சமூக - பொருளாதாரத்தை



மேம்படுத்துவதற்கும், வருமானத்தை அதிகரிப்பதில் கவனம் செலுத்துவதன் மூலமும், நாட்டின் மீன்வளத் தொழிலை மேம்படுத்த முடியும் என்று அவர் மேலும் கூறினார். “விவசாய மற்றும் உணவு அமைச்சகத்தின் மேற்பார்வையில் உள்ள 89 மீன்வள சந்தைகளில் வாடிக்கையாளர்கள் அவர்களின் தேவையான மீன்களைப் பெறலாம்” என்று அவர் கூறினார்.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/6/2021	HARAKAH DAILY	ONLINE	

Kilang beroperasi semasa PKP 3.0 perlu patuhi SOP



ALOR SETAR: Kilang dan industri yang mendapat kelulusan beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0, dinasihatkan agar mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dan syarat-syarat yang telah dipersetujui sewaktu permohonan dibuat.

Exco Pertanian dan Industri Makanan Negeri Kedah, Azman Nashrudin berkata, kegagalan pematuhan operasi serta menyebabkan kejadian wabak, akan diambil tindakan mengikut undang-undang yang telah diwartakan.

Berikutan itu katanya, insiden yang membabitkan sebuah kilang pemprosesan ayam di Sungai Lalang, Bedong yang tular di media sosial semalam, diserahkan kepada pihak berkuasa untuk mengambil tindakan.

“Pemilik kilang itu telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI) dan Jabatan Vetarinar atas keperluan masyarakat (rantai makanan).

“Kesalahan pengusaha kilang itu tidak mematuhi SOP kerana tidak mengasingkan (pengasingan sendiri/*self-quarantine*) pekerja yang bergejala dan tidak merujuk kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk tindakan susulan,” jelas beliau dalam kenyataan hari ini.

Semalam, tular di media sosial video berdurasi 19 minit berkaitan sebuah lori membawa sekumpulan warganegara asing memakai gelang kuarantin (pink) di daerah Kuala Muda.

Berikutan itu, pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) Ibu Pejabat Daerah (IPD) Kuala Muda telah melakukan tindakan pantas dan lori berkenaan dapat dikesan dan ditahan.

Menurut Ketua Polis Daerah Kuala Muda, Azdli Abu Shah, hasil siasatan didapati 48 orang yang berada di dalam kenderaan tersebut positif Covid-19 dan memakai gelang ‘pink’.

“Lori berkenaan dalam perjalanan pulang dari Pusat Kesihatan Daerah (PKD) Kuala Muda ke asrama pekerja di kilang pemprosesan ayam di Sungai Lalang Bedong,” maklumnya.

Menurut Azdli lagi, pemandu lori tersebut disaman atas kesalahan di bawah Sek 23(2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 iaitu Menggunakan Lesen Kenderaan Motor (LKM) bagi tujuan lain.

Selain itu, kertas siasatan turut dibuka melibatkan pengurus atau majikan kilang tersebut di bawah Sek 22(b) Akta 342 (Kesalahan am tidak mematuhi apa-apa perintah yang dikeluarkan pegawai yang diberi kuasa) dan Sek 270 KK (Perbuatan cuai yang mungkin merebakkan kejangkitan apa-apa penyakit yang berbahaya kepada nyawa).

Beliau juga menasihatkan orang awam agar tidak membuat sebarang spekulasi berkaitan video tular berkaitan kejadian tersebut dan sebarang pertanyaan atau maklumat boleh menghubungi Bilik Gerakan Op Covid IPD Kuala Muda di talian 04-4299058.

Sehubungan itu Azman menyerahkan hal tersebut kepada pihak berkuasa untuk siasatan dan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap kes itu.

“Dari segi pengeluaran produk ayam, ianya tidak menjejaskan sekiranya kilang itu diarahkan ditutup kerana masih banyak syarikat memproses ayam yang masih beroperasi dan mengikut SOP yang ditetapkan kerajaan,” katanya lagi. – **HARAKHDAILY 14/6/2021**

Pasaran sayur terlalu perlahan

LIPIS: Seorang pengusaha sayur di daerah ini buntu memikirkan keadaan pasaran sayur-sayuran dari ladangnya yang tidak laku sejak penguatkuasaan perintah kawalan pergerakan penuh bermula awal bulan ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Norhazrina Abdul Wahab, 35, berkata, permintaan hasil ladangnya turun mendadak sehingga berlaku lambakan kerana kurang diborong peraih berikutan kekurangan permintaan.

"Saya semakin tertekan. Situasi ini sudah dirasakan sejak awal tahun lagi tetapi sejak awal bulan ini, keadaan semakin parah. Hasil sayuran yang matang tidak boleh dituai kerana tiada pembeli.

"Peraih luar mendakwa susah bergerak berikutan sekatan rentas daerah dan negeri," katanya di Kampung Kubang Rusa, Merapoh di sini



SEBAHAGIAN lambakan timun di kawasan tanaman komersial milik Norhazrina Abdul Wahab di Kampung Kubang Rusa, Merapoh, Lipis, Pahang. - UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD

semalam. Norhazrina memulakan usahanya penanaman sayur-sayuran komersial sejak tahun lalu di kawasan seluas 1.2 hektar dan dia adalah antara petani muda berjaya di daerah ini.

Antara tanamannya ialah

petola, petola ular, kacang panjang, kacang bendi, timun, labu, lada kulai, labu air, peria besar dan tembikai.

Ketika ini, Norhazrina cuma mampu memasarkan sayuran antara 200 hingga 300 kilogram sehari dengan memperoleh pendapatan sekitar RM600 berbanding sebelum ini mampu melepasi pulangan melebihi empat angka.

Mengulas lanjut, wanita itu berkata, senario itu menyebabkan tiada keuntungan diperolehi kecuali hanya pulang modal.

"Pasaran jadi lembab susulan banyak premis makanan tutup selain kesan sekatan pergerakan menyusahkan pemborong untuk datang ambil," katanya.

Katanya, masalah sama turut dialami pengusaha komersial di tempat lain selagi tempoh penguatkuasaan *total lockdown* berterusan termasuk sekatan rentas daerah dan negeri.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/6/2021	SINAR HARIAN	MUKA DEPAN	1

SAYUR PULA NAIK HARGA

LAPORAN
KHAS

Beberapa harga sayur-sayuran dijangka mengalami peningkatan mulai hari ini susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Cameron Highlands, Pahang



- Peningkatan harga dijangka berlaku antara 30 hingga 40 peratus kerana bekalan terjejas disebabkan 12,000 pekerja asing dan tempatan di kawasan tanah tinggi itu tidak dapat keluar bekerja.
- Antara harga sayur-sayuran yang dijangka meningkat ialah tomato, timun jepun, cili, kobis, kacang buncis, lada manis atau lada benggala dan semua jenis salad.
- Sehubungan itu Persekutuan Persatuan-Persatuan Pekebun Sayur Malaysia menggesa kerajaan membenarkan operasi sektor pertanian masalah itu dapat diatasi dan pengguna tidak mengalami pengurangan bekalan makanan.

MUKA 2 & 3

Proses hantar sayur tergendala

SHAH ALAM - Harga sayur meningkat sebanyak 20 hingga 30 peratus berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di beberapa kawasan di Cameron Highlands bermula 14 hingga 27 Jun depan.

Pengerusi Persatuan Pekebun Melayu Cameron Highlands, Datuk Syed Abd Rahman Syed Abd Rashid berkata, berlaku masalah di peringkat pemasaran di mana proses menghantar sayur ke pasar tergendala disebabkan PKPD terbabit.

"Misalnya, di Kampung Raja, seluruh kawasan tu PKPD. Kawasan operasi dan tempat pembungkusan mereka pun dalam situ. Jadi semua lori tidak boleh keluar untuk hantar sayur ke pasar."

"Antara sayur yang dijangka naik harga adalah kubis, kubis Cina, kacang buncis, salad, lada benggala dan tomato," katanya ketika dihubungi pada Isnin.

Jelas beliau, sayur mempunyai jangka hayat pendek iaitu antara tiga hingga tujuh hari, manakala sayuran berdaun seperti sawi, pakcoy dan bayam hanya bertahan satu hingga dua hari sahaja.

Mengulas lanjut, beliau berkata, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang banyak membantu dalam menguruskan sayur-sayuran dalam tempoh ini.

"Antara bantuan yang diberi termasuklah menyediakan perkhidmatan bilik sejuk untuk menyimpan sayur dengan harga sewa yang berpatutan," ujarnya.

Harga sayur-sayuran naik hingga 40 peratus

Susulan pelaksanaan PKPD di Cameron Highlands, Pahang mulai Isnin

SHAH ALAM

Beberapa harga sayur-sayuran mengalami peningkatan mulai Isnin susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Cameron Highlands, Pahang.

Antara harga sayur-sayuran yang dijangka meningkat ialah tomato, timun jepun, cili, kobis, kacang buncis, lada manis atau lada benggala dan semua jenis salad.

Difahamkan, peningkatan harga berlaku antara 30 hingga 40 peratus kerana pengeluaran terpaksa dihenti serta-merta.

Punca utama ialah 12,000 pekerja asing dan tempatan di kawasan tanah tinggi itu tidak dapat keluar bekerja.

Menurut Setiausaha Agung Persekutuan Persatuan-Persatuan Pekebun Sayur Malaysia, Chay Ee Mong, bekalan memang akan terjejas kerana setiap hari Cameron Highlands mengeluarkan sebanyak 565 metrik tan sayur-sayuran.

"Semua sayur-sayuran di Cameron Highlands naik kerana baki bekalan sayur-sayuran tidak sampai dalam 40 peratus. Jadi bakinya itu pasti akan ditawarkan pada harga yang tinggi."

"Hari ini (Isnin) patut sudah boleh nampak kesan kenaikan harga di pasaran."



Sebuah kebun sayuran yang belum dapat dituai di Kampung Raja, Cameron Highlands, Pahang.

Dijangka petang ini (Isnin), sayur-sayuran akan sampai ke pasar borong. Sebab ini *consignment*, sudah jual baru mereka bayar kepada petani. Baru kita tahu harga akan melonjak atau tidak tetapi mesti harga melonjak sebab bekalan sayur kurang," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Pada Sabtu, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Ya-

kob mengumumkan, antara kawasan di Cameron Highlands yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bermula Isnin ialah Kampung Raja iaitu Sungai Ikan; Blue Valley; Taman Matahari Cerah; Taman Desa Corina dan Kampung Baru Kampung Raja.

Ekoran daripada itu, dianggarkan sebanyak 65 peratus pengusaha kebun sayur di kawasan Cameron Highlands terjejas susulan PKPD terbabit.

Dalam pada itu, Ee Mong berkata, produk sayuran Cameron Highlands bukan sahaja untuk pasaran tempatan malah untuk dihantar ke Singapura.

"Biasanya ada yang dihantar ke pasar borong Singapura. Untuk pasaran tempatan, akan dihantar ke Pasar Borong Kuala Lumpur."

"Kemudian separuh daripada bekalan akan diagihkan ke beberapa pasar raya Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Selain itu, sebahagian kecil juga akan dihantar ke Ipoh," ujarnya.

Menurutnya, barang-barang yang diperlukan dalam sektor pertanian atau



EE MONG

dipanggil sebagai input pertanian seperti baja, benih, ubat serangga, pembungkusan sayur-sayuran dan sebagainya turut terjejas serta mengalami kenaikan harga.

Ketika ditanya mengenai tenaga kerja, Ee Mong berkata, pelaksanaan PKPD di situ menyebabkan seramai 12,000 pekerja tidak dapat bekerja dan menjaga sayur-sayuran di kawasan ladang kebun terbabit.

Katanya, dianggarkan lebih daripada 11,000 pekerja warga asing serta 1,200 pekerja tempatan yang terdiri daripada pemandu, pembungkus sayur dan kerani tidak dapat bekerja.

"Semua tidak boleh masuk. Ini yang menjadi masalah. Siapa yang akan menjaga ladang? Jika kerajaan membenarkan separuh daripada mereka bekerja atau misalnya bagi 60 peratus pekerja itu pun munasabah tetapi sekarang langsung tidak boleh (bekerja)," ujarnya.

Susulan itu, Ee Mong menggesa kerajaan mengambil serius mengenai isu tersebut bagi memastikan industri pertanian dapat beroperasi semula.

"Kami mohon agar kerajaan membenarkan aktiviti-aktiviti sektor pertanian boleh dibenarkan beroperasi dengan syarat Majlis Keselamatan Negara buat saringan Antigen Rapid Test Kit (RTK-Ag) untuk semua pekerja ladang kebun."

"Bukan mahu kerajaan memberi kelonggaran (SOP) tetapi mahu ada satu kaedah menang-menang supaya petani tidak akan 'mati' dan pengguna pula tidak mengalami pengurangan bekalan makanan," jelas beliau.



Bekalan sayur bakal terjejas

Semua sayur yang sedang ditanam pada ketika ini tidak dapat diuruskan akibat PKPD

SEIAH ALAM

Persatuan Pekebun-
Pekebun
India
Cameron Highlands
meramalkan bekalan sayur dari kawasan tersebut terjejas dalam tempoh tiga hingga empat bulan akan datang.



MATHAN

Presidennya, Mathan Subramaniam berkata, semua sayur yang sedang ditanam pada ketika ini akan rosak jika ia tidak diuruskan oleh pekerja ladang.

"Bila pekerja tidak menguruskan ladang, sayur semua akan rosak kerana pokok memerlukan baja dan pengairan setiap hari dan kesannya bukan berlaku 14 hari sahaja, tetapi ia beri kesan dalam masa tiga bulan ke hadapan juga.

"Ini kerana sekiranya tanaman itu mati, setiap tanaman memerlukan masa beberapa bulan sebelum boleh mula dituai selepas ditanam semula. Contohnya, tomato dan kubis tiga bulan manakala cili empat bulan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Dalam pada itu, Mathan menjelaskan, pelaksanaan perintah tersebut menyebabkan kawasan yang terbabit itu tidak dapat diakses oleh pekebun di kawasan berkenaan untuk sebarang urusan.

"Lebih kurang 65 peratus pekebun yang terjejas. Bukan sahaja di kawasan Cameron Highlands, tetapi juga termasuk di kawasan sekitar seperti Lojing.

"Ini kerana tempat yang dikenakan PKPD itu terletak di kawasan tengah. Jadi, semua pekebun dari sini (Cameron Highlands) tidak dapat sampai ke sana untuk masuk ke ladang," katanya.

Ujar beliau, pekerja di dalam pelaksanaan PKPD juga tidak dapat bekerja dan menguruskan tanaman di ladang sepanjang pelaksanaan perintah tersebut.

Mengulas lanjut, Mathan berkata, kesan kenaikan harga sayuran di dalam negara dijangka akan mula dirasai dalam tempoh dua ke tiga hari lagi.

"Hari ini (Isnin) atau esok (Selasa) kita tidak tahu sebab semalam (Ahad) kita dah keluarkan hasil sayuran berapa banyak yang boleh untuk tiga



Kesan kenaikan harga sayuran dijangka mula dirasai dalam tempoh dua ke tiga hari lagi.

hari. Lepas tiga hari atau empat hari lepas tu kita dah jangka akan berlaku kenaikan harga," jelasnya.

Menurut Mathan, dalam situasi normal, hasil sayuran yang keluar daripada kawasan ladang Cameron Highlands adalah sebanyak 560 tan setiap hari.

Bagi menangani masalah yang dihadapi pekebun, beliau berharap supaya pihak berkuasa dapat memberikan permit khas bagi membolehkan pekebun mendapat akses ke ladang masing-masing.

Katanya, pihak berkuasa

HARGA SAYUR		
	Harga Asal/kg	Harga jangkaan naik 20%/kg
Tomato	RM4	RM4.80
Timun hijau	RM3	RM3.60
Cili merah RM8	RM8	RM9.60
Kubis	RM6	RM6
Kacang buncis	RM15	RM18

juga diharapkan dapat bekerjasama dengan pekebun untuk memastikan pekerja ladang dapat melakukan ujian saringan Covid-19 dan seterusnya membolehkan ladang yang bebas daripada penularan-wabak ter-

sebut untuk beroperasi.

Sementara itu, beliau jugalah telah mendaftarkan kesemuanya untuk mendapatkan vaksin Covid-19 melalui Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK).

NGO beli hasil pekebun kecil terjejas untuk diagihkan

REMBAU - Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Taman al-Quran di sini mengambil inisiatif membeli hasil pertanian dua pekebun kecil yang terjejas pendapatan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Sayur-sayuran yang dibeli kemudian diagih kepada 150 penduduk termasuk peniaga di sekitar daerah Rembau.

Biro Kebajikan Taman al-Quran, Muhammad Aiman Mohammad Zaki, 26, berkata, usaha dilakukan itu disifatkan serampang dua mata kerana

dapat membantu dua pihak.

"Program pemberian bantuan ini kami dah buat sejak bermulanya PKP tahun lalu lagi. Tapi waktu itu kita beli barangan keperluan yang dibeli di pasar raya atau kedai.

"Kali ini kita ubah strategi dengan beli sayur-sayuran dan ayam supaya pada masa sama kita dapat bantu pekebun kita," katanya di sini pada Isnin.

Menurutnya, usaha kecil itu dilakukan hasil sumbangan orang ramai dan akan diteruskan bergantung kepada dana yang ada.

Ujarnya, dalam keadaan sekarang

setiap orang perlu saling bantu-membantu dan bukannya mengharap bantuan kerajaan semata-mata.

Dalam pada itu, katanya, dua kanak-kanak berusia 10 tahun dan 13 tahun ditugaskan untuk menghantar bantuan itu dari rumah ke rumah.

"Tujuan kami adalah untuk menyemai sikap prihatin dan semangat kesukarelawan seawal usia. Mungkin ia nampak biasa, tapi dengan cara ini setidaknya mereka tahu peranan setiap orang untuk saling membantu terutama ketika pandemik Covid-19 ini," katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/6/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Peniaga buah boleh terus berniaga, mohon permit online



PENIAGA buah-buahan di bawah MBSP boleh meneruskan aktiviti perniagaan mereka seperti biasa meskipun PKP 3.0 disambung selama dua minggu lagi bermula esok.

BUKIT MERTAJAM: Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) masih membenarkan aktiviti perniagaan seperti gerai buah-buahan beroperasi seperti biasa meskipun Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 akan disambung dua minggu lagi bermula esok.

Bagaimanapun, Datuk Bandar MBSP, Datuk Rozali Mohamud berkata, para pengusaha perlu mendapatkan permit untuk berniaga selain mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

Ujar beliau, memandangkan MBSP telah mengambil pendekatan menutup kaunter-kaunter perkhidmatan pelanggan bagi mengurangkan pergerakan orang awam dan penularan wabak, mereka yang ingin menjalankan aktiviti terbabit boleh memohon permit secara dalam talian melalui 'Cyber Counter' MBSP.

"Keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui e-mel dan panggilan telefon manakala bil bayaran permit akan dihantar melalui e-mel dan boleh dijelaskan secara dalam talian menerusi laman sesawang MBSP," katanya di sini hari ini.

Bagi menyenangkan urusan peniaga-peniaga tersebut kata Rozali, pihaknya menyediakan senarai lokasi yang dibenarkan untuk berniaga sepanjang tempoh PKP 3.0 ini.

Pada masa sama katanya, MBSP juga terbuka kepada sebarang cadangan termasuk bersedia menimbangkan kewujudan lokasi baharu yang sesuai.

"Selain itu, para peniaga juga diminta mengemukakan butiran peribadi secara terperinci termasuk butiran pekerja jika ada ketika memohon permit bagi memudahkan pergerakan ke lokasi perniagaan serta melancarkan aktiviti penghantaran buah-buahan.

"Bagaimanapun, syarikat atau peniaga yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) diwajibkan mendapatkan surat kelulusan daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Jabatan Pertanian negeri atau Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) terlebih dahulu," katanya.

Tambah Rozali, untuk keterangan lanjut peniaga yang terlibat boleh menghubungi Kaunter Helpdesk Pelesenan MBSP di talian 04-5497685 atau e-mel pertanyaan ke pelesenan@mbsp.gov.my. –
UTUSAN ONLINE

15/6/2021

SINAR
HARIAN
NEGERI PE-
RAK/
P. PINANG

26

MBSP benarkan aktiviti jualan buah-buahan

BUKIT MERTAJAM - Peniaga buah-buahan di negeri ini boleh menarik nafas lega apabila Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) memberi kebenaran untuk mereka menjalankan aktiviti jualan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ketika ini.

Datuk Bandar MBSP, Rozali Mohamad berkata, permohonan permit jualan telah dibuka dan boleh dibuat menerusi platform dalam talian melalui Cyber Counter MBSP.

Menurutnya, MBSP telah menyediakan senarai lokasi yang dibenarkan untuk menjalankan perniagaan dan boleh disemak di www.mbsp.gov.my.

"Kita turut memberikan peluang kepada peniaga-peniaga mengemukakan cadangan lokasi lain yang bersesuaian untuk dipertimbangkan oleh MBSP."

"Bagi memudahkan pergerakan untuk ke lokasi perniagaan dan juga aktiviti pengantaran buah-buahan, MBSP juga telah menyediakan ruangan butiran pada borang permohonan bagi membantu peniaga dan pekerja membuat permit," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Rozali berkata, senarai nama dan nombor kad pengenalan yang telah diletakkan akan dimasukkan ke dalam permit dan peniaga boleh membawa permit berkenaan ke balai polis berdekatan untuk memohon permit perjalanan atau pergerakan rentas negeri.

Bagaimanapun katanya, syarikat atau peniaga yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) diwajibkan untuk mendapatkan surat kelulusan daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan atau Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang atau Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

"Surat majikan juga perlu dikeluarkan kepada pekerja atau pemandu bagi memudahkan perjalanan atau pergerakan mereka ketika pemeriksaan sekatan jalan raya oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM)," katanya.

Sebelum ini *Sinar Harian* melaporkan mengenai kebangkitan peniaga durian yang dijangka menanggung kerugian kerana masalah pemasaran disebabkan pelaksanaan Sekatan Pergerakan Penuh ketika ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/6/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	27



MUHAMAD Arif Musa menunjukkan surat kebenaran perjalanan meneruskan perusahan komoditi ternakan semasa PKP di Air Kuning, Kampung Gajah, Pasir Salak, Perak. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

Tempahan lembu korban merosot

Oleh AIN SAFRE BIDIN
utusannews@ediamulia.com.my

PASIR SALAK: Sekatan pergerakan penuh yang dilaksanakan ketika ini menyebabkan tempahan lembu untuk ibadah korban sempena Hari Raya Aidiladha tahun ini menjadi perlahan.

Penternak lembu di Air Kuning, Kampung Gajah dekat sini, Muhamad Arif Musa, 25, berkata, setakat ini, dia hanya menerima tempahan lapan ekor lembu bagi tujuan sembelihan korban tidak lama lagi.

Katanya, keadaan itu berbeza tahun sebelum wabak Covid-19 apabila pelanggan

membuat tempahan tiga bulan lebih awal dari sekitar Kampung Gajah, Hilir Perak dan Perak Tengah.

"Saya bersyukur setakat ini tiada ternakan saya yang dijangkiti penyakit kulit kental (LSD), cuma agak gusar sebab tempahan untuk lembu korban kali ini perlahan disebabkan PKP.

"Sebelum ini, tempahan untuk lembu korban pernah mencapai 100 ekor iaitu lima bulan sebelum korban, pelanggan sudah membuat tempahan," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Muhamad Arif yang menternak 700 ekor lembu berkata, walaupun tempahan untuk

korban berkurangan, dia tetap menjual ternakannya pada harga biasa.

Katanya, harga lembu mengikut saiz dan umur iaitu antara RM5,000 seekor bagi yang bersaiz kecil dan RM7,000 hingga RM8,000 seekor bagi lembu yang bersaiz besar.

Menurutnya, penternak lembu sepertinya berdepan cabaran seperti ternakan tidak cukup makan di padang ragut, kos makanan yang mahal serta ubat-ubatan dan temakan mati dilanggar kenderaan.

"Menjelang Aidiladha, kes curi lembu pula semakin menjadidi-jadi," katanya.

Tangkapan hasil laut turun 50 peratus

KOTA BHARU: Jumlah tangkapan hasil laut di seluruh negeri ini didapati berkurangan sebanyak 50 peratus sepanjang lima bulan pertama tahun ini berbanding tempoh sama tahun lalu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Jabatan Perikanan Kelantan, Nazri Ishak berkata, berdasarkan rekod jabatan itu, sebanyak 15,048 tan metrik hasil laut ditangkap nelayan di negeri ini sehingga Mei lalu.

Katanya, jumlah tersebut menunjukkan penurunan apabila sebanyak 30,505 tan metrik dicatatkan dalam tempoh sama pada tahun lalu, meskipun turut terdapat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Berdasarkan pemeriksaan, kekurangan hasil tangkapan disebabkan bot laut dalam yang tidak dapat beroperasi kerana tiada awak-awak asing dapat bekerja akibat penguatkuasaan Pas' Lawatan Kerja Sementara (PLKS) ketika ini.

"Penutupan pintu sempadan negara melalui jalan laut ekoran penularan jangkitan Covid-19 juga antara faktor pengurangan hasil tangkapan pada tahun ini," katanya ketika dihubungi semalam.

Menurut Nazri, nelayan di negeri ini sepatutnya tidak berdepan masalah turun ke laut meskipun ketika PKP kerana mereka termasuk dalam sektor pekerjaan yang dibenarkan beroperasi.

Selain itu, katanya, berdasarkan pemerhatian Jabatan Perikanan, tangkapan hasil laut di kawasan pantai tidak



“Penutupan pintu sempadan negara melalui jalan laut ekoran penularan jangkitan Covid-19 juga antara faktor pengurangan hasil tangkapan pada tahun ini.”

NAZRI ISHAK

berdepan masalah kerana nelayan kategori itu tidak menggunakan khidmat awak-awak asing.

"Memandangkan hasil tangkapan ikan berkurangan di negeri ini, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) mengimport sejumlah ikan dari luar negara bagi menampung keperluan pengguna," katanya.

Farmers unable to get flowers to the market

By ALLISON LAI
allison@thestar.com.my

PETALING JAYA: With no lorries allowed to transport flowers out of the farms, the lockdown has severely affected the livelihood of farmers as they are forced to throw away their fresh produce.


In Cameron Highlands, it is estimated that at least 40 tonnes of fresh flowers end up in the trash daily since the lockdown was imposed on June 1.

To date, flower farmers have been forced to discard more than 480 tonnes of fresh flowers, which include chrysanthemums, roses, daisies, carnations, marigolds and sunflowers, with losses amounting to over RM13mil.

Cameron Highlands Floriculturists Association deputy president Wong Seng Yee said the flowers were meant for the local market.

"Many of them were meant for the first day of the lunar month that fell on June 10, which coincided with the lockdown.

"With no means to transport



Huge losses: Farm workers in Cameron Highlands harvesting flowers for delivery. A good number of these flowers will be discarded now.

them to wholesalers or sellers, they had to be destroyed," he said when contacted.

Having learnt from the first movement control order last March, which saw 1,200 tonnes of fresh flowers being thrown away in the first three weeks with some

RM33mil in reported losses, Wong said the 225 farmers in Cameron Highlands have since reduced their farm size by 40%.

Since the lockdown has been extended to June 28, Wong, whose farms are in Habu, Ringlet near Cameron Highlands, said many

farmers have resorted to destroying the plants on their farms to cut down on their losses.

"Since we cannot sell these flowers, it is better to stop the farming process the soonest to cut down on input costs such as watering, pesticide, manpower and care.

"It is a bitter decision to make but farmers really have no other choice," he said.

Association president Lee Peng Fo said local orders totally stopped since May 30 as the floral industry was not included in the list of essential services under the International Trade and Industry Ministry.

He added that 80% of flowers from Cameron Highlands were meant for the export market while 20% were for local buyers.

"However, demand in the export market has also gone down by between 40% and 60% this year because of the worldwide Covid-19 pandemic," he said.

Lee, whose initial 20ha flower farm was partially transformed to grow vegetables, said many flower farmers had resorted to diversifying their farm produce to survive.